

# pelan pemulihan negara

**peMulih**  
Pelan Pemulihan Negara: Strategi Untuk Pemulihan Ekonomi

Oleh Sri Ayu Kartika Amri

kartika@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Sejak bermulanya penularan pandemik Covid-19, golongan yang terdampak dalam bidang perniagaan sama ada perniagaan besar atau peniaga kecil dan sederhana (PKS) menerima kesan akibat sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Di sebalik pengurangan pendapatan dan jualan, ada juga perniagaan yang berjaya menakluki cabaran bersama pandemik dan mengambil manfaat pelbagai kemudahan ditawarkan kerajaan.

Prof Madya Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) yang diperkenalkan adalah pakej rangsangan kelapan diumumkan pada era pandemik Covid-19.

Katanya, nama Pemulihan selari dengan nama pelan diumumkan oleh kerajaan iaitu Pelan Pemulihan Negara (PPN) membabitkan nilai RM150 bilion dan merangkumi suntikan langsung fiskal kerajaan sebanyak RM10 bilion.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan pakej rangsangan ekonomi dan bantuan diumumkan kerajaan berjumlah RM530 bilion iaitu lebih daripada separuh trilion.

"Kesan daripada tiga pakej rangsangan ekonomi iaitu melalui Pemeraksa (RM20



PSU bantu meneruskan survival perniagaan terutamanya PKS supaya tidak gulung tikar.

## Bantu pacu ekonomi

*Pemulihan beri kesan positif kepada PKS dalam tempoh PKP 3.0*

bilion), Pemeraksa + (RM40 bilion) dan Pemulihan (RM15 bilion) juga dapat memberi kesan positif kepada PKS dalam tempoh PKP 3.0 ini terutamanya selepas peralihan lebih banyak negeri kepada Fasa 2 dalam PPN.

"Selain itu, kita menyaksikan banyak pakej bantuan diperkenalkan bukan sahaja membantu golongan individu malah PKS dengan salah satunya Program Subsidi Upah (PSU).

"Sejak PSU diperkenalkan, kerajaan sudah membelanjakan lebih RM15 bilion bagi membantu majikan membayar gaji kepada sekitar 2.7 juta pekerja.

"Memandangkan maklum balas positif berhubung program ini, kerajaan bersetuju untuk melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak 3.8 bilion ringgit yang dijangka memanfaatkan lebih 2.5 juta pekerja.

"Melanjutkan PSU ini



Sejak PSU diperkenalkan, kerajaan sudah membelanjakan lebih RM15 bilion bagi membantu majikan membayar gaji kepada sekitar 2.7 juta pekerja

Dr Anuar Shah Bali Mahomed

akan dapat mengawal kadar pengangguran daripada meningkat, bahkan kadar pengangguran Februari 2021 adalah 4.8 peratus turun 0.1 peratus daripada Januari 2021 iaitu 4.9 peratus.

"PSU yang terdiri daripada PSU 1.0, PSU 2.0 dan PSU 3.0 berjaya menurunkan kadar pengangguran negara.

"Melalui inisiatif PSU 4.0, kerajaan akan menampung sehingga 500 pekerja bagi

setiap majikan dengan kadar sebanyak RM600 setiap pekerja selama tempoh empat bulan, iaitu dua bulan bagi semua sektor dalam fasa kedua PPN dan dua bulan seterusnya khusus bagi sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif semasa tempoh fasa ketiga nanti.

"Jika sebelum ini, pelaksanaan PSU disyaratkan dengan had gaji di bawah RM4,000, tiada lagi syarat had gaji di-

tetapkan di bawah PSU 4.0.

"Ini bermakna, majikan boleh memohon PSU 4.0 bagi pekerja yang bergaji lebih RM4,000," katanya.

Beliau berkata, PSU ini berperanan sebagai serampang dua mata iaitu meneruskan survival perniagaan terutamanya PKS supaya tidak gulung tikar dan seterusnya membantu rakyat Malaysia memperoleh pendapatan melalui peluang pekerjaan yang masih ada.

Selain itu, Dr Anuar berkata, untuk menjamin kelangsungan PKS dalam tempoh mencabar ketika ini mereka perlu segera beralih kepada ekonomi digital atau perniagaan secara dalam talian dan e-dagang.

"Program Shop Malaysia Online yang diperkenalkan di bawah pakej Penjana tahun lalu membantu lebih 200,000 usahawan tempatan meningkatkan jualan mereka melalui platform e-da-

gang dengan nilai transaksi mencecah RM1.8 bilion.

Sehubungan itu katanya, bagi menyokong agenda digitalisasi dan menggalakkan urusan transaksi tanpa tunai, kerajaan membangunkan Program Pemeraksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (Pupuk) sebagai inisiatif menyeluruh dan bersetuju memperuntukkan RM200 juta ringgit perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) dan RM100 juta untuk PKS.

"PMKS, PKS dan mereka yang baru menceburi dalam perniagaan perlu mengambil peluang tersedia ini antaranya, kempen Shop Malaysia Online dan GoeCommerce Onboarding di mana kerajaan menyasarkan lebih 300,000 peniaga mikro seperti peniaga bazar, pasar tani, pasar malam dan warung serta pengusaha kraf tangan untuk beralih ke perniagaan dalam talian dan menggunakan sistem e-tunai.

"Peruntukkan RM100 juta di bawah SME Digitalisation Grant bagi membolehkan usahawan PKS mendapat geran padanan sehingga RM5,000 untuk pembelian sistem atau langganan platform digital.

"Melalui program Pemeraksaan Pendigitalan Usahawan Kecil yang diterajui SK-MM juga menggalakkan penyertaan PMKS menceburi platform e-dagang.

"Seterusnya bagi memperkasa usahawan tani khususnya di luar bandar menggunakan teknologi terkini, Program Digitalisasi dan Transformasi Sektor Pertanian diperkenalkan melalui kerjasama MDEC dan Pertubuhan Peladang Kawasan di mana mereka mengenal pasti petani yang berpotensi untuk beralih ke platform teknologi baharu," katanya.